

UCAPAN RAPAT HARI KEBANGSAAN DALAM BAHASA MELAYU, AHAD 16 OGOS 2009

Saudara saudari sekalian,

Tahun ini genap 50 tahun kita mencapai pemerintahan sendiri. Negara kita telah menempa banyak kemajuan sepanjang lima dekad lalu. Kita telah mengembangkan ekonomi, menyediakan tempat berteduh bagi rakyat, mendidik anak-anak kita, menyatu padu semua kaum, dan memperbaiki taraf kehidupan untuk semua rakyat Singapura. Kita telah membina sebuah negara. Masa depan kita cerah. Banyak yang boleh kita raikan, meskipun dalam kegawatan ekonomi sekarang ini.

Masyarakat Melayu memainkan peranan penting dalam perjalanan kisah Singapura ini. Orang Melayu telah membina institusi yang kukuh seperti Mendaki dan MUIS, yang bersama dengan pertubuhan Melayu/Islam lain membantu meningkatkan masyarakat. Anda telah menubuhkan wadah baru seperti Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) untuk menggerak masyarakat ke hadapan. Para Anggota Parlimen Melayu kita, bersama dengan pemimpin masyarakat, telah membimbing masyarakat untuk mengenal pasti dan menangani cabaran-cabaran utama. Ini termasuk pencapaian pendidikan, penyalahgunaan dadah dan masalah keluarga pincang. Berkat usaha itu, dan dengan sokongan pemerintah, masyarakat dapat sesuaikan diri dengan dunia yang semakin global, dan terus mengecap kemakmuran.

Pendidikan adalah faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan ini. Kini, ibu bapa Melayu, seperti ibu bapa lain, prihatin tentang pendidikan anak-anak mereka. Mereka memahami sepenuhnya bahawa anak-anak harus memiliki kemahiran dan kelayakan untuk membina kehidupan yang baik.

Hasilnya, tahap pencapaian Melayu dalam pendidikan telah meningkat tahun demi tahun. Semakin ramai pelajar Melayu mengambil jurusan sains dan teknologi di politeknik dan universiti. Masyarakat Melayu berjaya mencapai kemajuan seiring dengan Singapura. Dalam tempoh satu generasi, bagi sesetengah keluarga, kita saksikan peningkatan daripada ibu bapa yang berpendidikan rendah dan tidak berkemahiran kepada anak-anak yang menjadi karyawan seperti doktor dan jurutera. Ramai yang lain juga memanfaatkan sepenuhnya peluang yang tersedia, mencapai kecemerlangan dalam perniagaan, kerjaya, perkhidmatan awam, sukan dan seni. Mereka bangga dengan pencapaian ini. Masyarakat Melayu dan negara juga sewajarnya bangga dengan mereka.

Namun, segolongan pelajar Melayu masih perlukan bantuan untuk meningkatkan tahap pencapaian mereka di sekolah dan ITE. Mereka mungkin terkial-kial kerana masalah keluarga. Masyarakat harus bantu pelajar lemah ini dan keluarga mereka. Kemajuan yang telah anda capai sejauh ini memberi kita keyakinan bahawa anda akan dapat mengatasinya. Anda berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang-peluang baru yang semakin bertambah di Singapura.

MEMBERI RESPONS KEPADA KRISIS EKONOMI GLOBAL

Perkembangan ini membolehkan kita melihat kegawatan ekonomi sekarang mengikut perspektif yang wajar. Kita telah berjaya mengatasi banyak cabaran lain sebelum ini, dan mampu mengatasi cabaran kali ini. Dunia telah berubah, dan kita juga harus berubah. Saya gembira ramai pekerja Melayu sedang memanfaatkan program SPUR untuk menghalusi kemahiran diri dan mengekalkan pekerjaan mereka. Antara mereka yang hilang pekerjaan, ramai yang bersedia dapatkan bantuan e2i dan CDC untuk dapatkan pekerjaan baru. Jika anda telah dibuang kerja, anda harus cepat jalani latihan semula dan ambil kerja baru. Jangan menunggu untuk dapatkan sesuatu yang lebih baik kerana bekerja lebih baik daripada menganggur.

Warga Singapura juga perlu berhati-hati dengan urusan kewangan. Kami melihat lebih ramai penduduk kini berjumpa AP mereka untuk dapatkan bantuan. Sebilangan mereka ditimpa kesusahan, tetapi yang lain telah berbelanja di luar kemampuan. Saya sendiri telah berjumpa beberapa keluarga di Ang Mo Kio

yang tidak mampu membayar ansuran bagi flat HDB mereka. Mereka datang berjumpa saya untuk dapatkan bantuan kerana saya AP mereka.

Kami akan lakukan yang terbaik untuk bantu keluarga yang hadapi kesukaran, tetapi individu dan keluarga juga harus mainkan peranan anda. Belilah flat yang anda mampu. Usah belanja setiap dolar yang anda jangka akan perolehi. Ini penting, lebih-lebih lagi menjelang Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Justeru itu, saya menyambut baik kempen Bijak Belanja di bawah rangkaian CLF yang menggalak masyarakat Melayu/Islam untuk berjimat cermat sepanjang bulan puasa nanti. Sediakan payung sebelum hujan, dan menabunglah bagi pendidikan anak-anak anda.

MENGEKALKAN KEHARMONIAN KAUM DAN AGAMA

Perpaduan sosial yang kukuh akan membantu kita mengatasi kegawatan ini bersama. Keharmonian kaum dan agama, yang telah kita bina selama bertahun-tahun sejak merdeka, amat penting dalam soal ini. Masyarakat kita telah pelajari cara-cara untuk saling berhubungan, menghormati dan membantu antara satu sama lain. Kita mungkin berbeza budaya dan agama, tetapi berbekalkan sikap toleransi dan tolak ansur, kita semua dapat terus hidup bersama dalam aman dan damai di pulau kecil ini.

Peristiwa 11 September adalah satu detik penentuan bagi keharmonian agama Singapura terutama bagi masyarakat Melayu/Islam. Masyarakat Melayu/Islam telah memberi reaksi berbeza kepada peristiwa ini, berbanding dengan sesetengah masyarakat Islam lain. Anda segera mengecam penganasan dengan jelas. Daripada merasa kecewa dan tertekan, anda menghadapinya dengan tabah. Daripada mengasingkan diri, anda tampil ke hadapan untuk mendampingi masyarakat lain. Daripada bersifat konfrontasi, anda mengambil pendekatan yang terbuka dan menyesuaikan diri. Ini mencerminkan keyakinan diri dan sikap progresif yang semakin berkembang dalam menangani isu-isu agama yang sensitif. Kita dapat melihat semangat yang sama dalam isu seperti pembaharuan pendidikan madrasah dan soal pendermaan organ.

Reaksi positif ini mengesahkan bahawa masyarakat Melayu Singapura telah membentuk identiti yang tersendiri. Anda berbeza daripada orang Melayu di Malaysia, Indonesia atau Brunei. Apabila berada di luar negara, anda mahu terlebih dahulu dikenali sebagai warga Singapura. Anda telah kekalkan warisan, budaya, dan agama anda, tetapi berpandukan ciri unik Singapura yang terbuka dan memandang ke hadapan.

Kita mesti terus kukuhkan keharmonian kaum dan agama kita. Warga Singapura dari semua kepercayaan semakin serius dalam mengamalkan agama mereka, dan semua kumpulan agama kini lebih aktif. Oleh itu, kita perlu wujudkan lebih banyak peluang untuk bergaul, memupuk persefahaman dan meningkatkan rasa selesa antara satu sama lain. Saya berbesar hati, di majlis-majlis sosial, orang Melayu/Islam bergaul mesra dengan tamu lain. Saya juga gembira kerana mereka sering mendekati saya, mengambil gambar dan berjabat tangan, termasuk wanita bertudung.

Kita mesti terus bina ikatan melintasi garisan agama. Setiap daripada kita harus berusaha untuk berkenalan dengan jiran dari masyarakat lain, dan menggalak anak-anak kita untuk mengundang rakan sedarjah dari kaum lain ke rumah. Ini harus dilakukan oleh semua rakyat Singapura, bukan hanya orang Islam. Bak kata pepatah : Jiran sepakat membawa berkat.

Kepercayaan agama kita yang berbeza adalah satu kekayaan bagi masyarakat kita. Tetapi jangan biarkan agama memisahkan kita. Kita harus amalkan toleransi dan kawalan diri, didorong semangat tolak ansur. Semua anggota masyarakat harus bekerjasama untuk luaskan ruang bersama kita, dan membina masa depan yang dikongsi bersama.

KESIMPULAN

Saudara saudari sekalian,

Singapura sedang memasuki fasa baru. Begitu juga dengan masyarakat Melayu. Kita melihat banyak peluang cerah yang sedang dibuka, dan warga muda Melayu bersedia untuk memberi sumbangan dalam banyak bidang yang diceburi. Kita mempunyai peluang yang baik untuk membawa negara kita ke tahap lebih tinggi lagi.

Anda harus terus bekerjasama dengan pemerintah, para AP Melayu, Mendaki dan MUIS, untuk mengatasi cabaran masa kini, seperti kegawatan ekonomi dan kepincangan keluarga, serta berusaha untuk terus mempertingkatkan masyarakat. Warga Singapura perlu terus tabah, saling bantu membantu dan memberi respons kepada masalah nasional sebagai satu negara. Dengan cara ini, kita dapat bangkit semula selepas badai mulai reda, dan terus membina kehidupan yang lebih baik bagi semua.

.....

ENGLISH TEXT OF NATIONAL DAY RALLY SPEECH 2009 IN MALAY, SUNDAY, 16 AUGUST 2009

This is the 50th year of our self-government. Our country has come a long way in these five decades. We have grown the economy, housed our people, educated our children, integrated the races, and improved lives of Singaporeans. We have built a nation. Our future is bright. We have much to rejoice over, even in the midst of an economic downturn.

Our Malays play an integral part in the Singapore story. You built strong institutions like Mendaki and MUIS, which together with other Malay/ Muslim organisations have helped to uplift the community. You created new platforms like the Community Leaders' Forum (CLF) to push the community forward. Our Malay MPs, together with other community leaders, led the community to identify and tackle key challenges. These include education standards, drug addiction and dysfunctional families. With these efforts, and the support of the government, the community has adapted to the globalised world, and continued to progress.

Education has been a key factor in this success. Today, Malay parents are as concerned over the education of their children as other parents. They fully understand that their children must acquire skills and qualifications to live a good life.

As a result, Malay educational performance has improved year by year. More Malay students are studying science and technology in the polytechnics and universities. The community has progressed with Singapore. We have seen some families go in one generation from poorly educated parents doing unskilled jobs, to children who are professionals like doctors and engineers. Many others have also taken full advantage of the opportunities, excelling in business, professions, public service, sports and the arts. They are rightly proud of their achievements. The community and nation are also rightly proud of them.

However, some Malay students still need help to do better in school and ITE. Perhaps they are struggling because of family problems. The community must help these weaker students and their families. The progress that you have already made gives us confidence that you will succeed in doing this. You are well placed to take advantage of the many opportunities opening up for Singapore.

Responding to Global Economic Crisis

This history puts the current economic downturn in perspective. We have overcome many other challenges before, and will overcome this one too. Our world has changed, and so must we. I am happy

that many Malay workers are using the SPUR programmes to hone their skills and hold on to jobs. Among those who have lost their jobs, many are willing to seek help from e2i and CDCs to find new jobs. If you have lost your job, you should quickly re-train and take on a new job. Do not wait for something better because some job is better than no job at all.

Singaporeans must also be financially prudent. We see more residents seeing MPs for help. Some have fallen on tough times, but others have over-stretched themselves financially. I myself have seen some families in Ang Mo Kio unable to service HDB loans. They have come to me for help, because I am their MP.

We will do our best to help families in difficulty, but individuals and families must also do your part. Buy a flat which is within your means. Do not spend every dollar that you expect to earn. This is important especially during the upcoming Ramadan and Hari Raya Aidilfitri. Hence, I welcome the “Bijak Belanja” (Spend Wisely) campaign organised under the CLF framework that encourages Malay/Muslims to be thrifty during the fasting month. Save something for a rainy day, and for your children’s education.

Maintaining Racial and Religious Harmony

Our strong social cohesion will help us to overcome this downturn together. Crucial to this is our racial and religious harmony, which we have built over many years since independence. Our communities have learnt to get along with, respect and help one another. We may have different customs and religions, but with tolerance and mutual accommodation, we can all live peacefully side by side on this little island.

September 11 was a defining event for Singapore’s religious harmony, and especially for our Malay/Muslim community. Malay/Muslims in Singapore reacted to these events very differently, compared with some other Muslim communities elsewhere. You immediately and forthrightly condemned terrorism. Instead of feeling dispirited and psychologically “under siege”, you resolved to become stronger. Instead of withdrawing, you reached out to engage other communities. Instead of becoming confrontational, you adopted an open and adaptive approach. This reflects a growing self confidence and progressive attitude when handling sensitive religious issues. We see the same spirit in issues like modernising madrasah education and organ donation.

This positive reaction confirms that Malay/Muslim Singaporeans have developed your own distinct identity. You have become different from Malays in Malaysia, Indonesia or Brunei. When abroad, you want to be identified as Singaporeans first. You have retained your roots, culture and religion, but with a uniquely Singaporean open and forward looking outlook.

We must continue to strengthen our racial and religious harmony. Singaporeans of all faiths are taking their religion more seriously, and all religious groups are more active. Hence we need to foster more opportunities to mix, build understanding and become comfortable with one another. I am encouraged that at social functions, Malay/Muslims mingle freely with other guests. I am also happy because they often come up to take photos and shake hands with me, including women wearing the tudung.

We must continue to build links across religious lines. Each of us should make the effort to make friends with neighbours who belong to other communities, and encourage our children to invite home classmates of a different race. This applies to all Singaporeans, and not just to the Muslims. As the Malay saying goes: Neighbours who live harmoniously will bring blessings to all.

Our different faiths are a precious asset for our society. But do not allow religion to pull us in separate ways. We have to exercise tolerance and restraint, in the spirit of give and take. All communities should work together to expand our common space, and build our shared future.

Conclusion

Singapore is entering a new phase, and the Malay community too. We see many bright opportunities opening up ahead, and young Malays are poised to contribute in many fields of endeavour. We have the chance to take our whole country to a higher level. You should continue to work with the government, Malay MPs, Mendaki and MUIS to address current problems like economic downturn and dysfunctional families, and strive to further upgrade the community. Singaporeans must stay resolute, help one another and respond to our challenges as one nation. Then after the storm we will resume growing, and continue to build better lives for everyone.